

## 1,335 PERMOHONAN UNTUK LAKSANA IBADAH KORBAN

**KUANTAN, 16 JULAI 2021:** Sebanyak 1,335 penyembelih dan pembantu penyembelih telah dibenarkan melakukan penyembelihan bagi ibadah korban dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di lokasi sembelihan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, bagaimanapun, kesemua mereka yang telah diberi kebenaran itu perlu melakukan ujian saringan pengesanan COVID-19 terlebih dahulu sebelum sembelihan dilakukan.

Beliau berkata, 1,335 permohonan itu melibatkan 336 masjid dan tempat penyembelihan yang telah dikenalpasti dapat melaksanakan ibadah dengan mematuhi SOP ditetapkan.

"Kita mendapat persetujuan melaksanakan ibadah korban walau dengan SOP yang agak ketat iaitu tempat-tempat yang tertentu sahaja yang diiktiraf dan diberi lesen oleh pihak verterinar.

"Masjid-masjid ini juga perlu mempunyai kelengkapan yang memadai, yang mencukupi untuk mematuhi SOP dan juga mereka yang menyembelih mestilah mengambil swab test sebelum mereka melaksanakan ibadah korban itu tadi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Unit Komunikasi dan Media Pahang di pejabatnya di Bangunan Wisma Sri Pahang, di Kuantan.

Dalam pada itu, beliau berkata, kesemua institusi masjid dan surau yang dibenar melaksanakan solat Jumaat dan fardu boleh melaksanakan Solat Sunat Aidiladha dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Namun, beliau berkata, mana-mana masjid atau surau yang berkemampuan untuk menerima lebih ramai jemaah daripada kapasiti yang ditetapkan, boleh membuat permohonan kepada Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) bagi menambah jumlah jemaah yang dapat hadir untuk menuaikan solat sunat Aidiladha.

Jelasnya, pihak kerajaan akan bekerjasama dengan beberapa agensi penguatkuasa bagi memastikan SOP terjaga sepanjang perlaksanaan solat Aidiladha dan ibadah korban nanti.-**PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP**

**Oleh : Fansurina Abdullah**



# RINGKASAN SOP IBADAH KORBAN

## DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHUN 2021 M/1442 H BAGI NEGERI PAHANG.

### PELAKSANAAN

- 10 Zulhijjah 1442 H dan dikuti pada 3 Hari Tasyrik
- AJK Pengurus mengisi borang dan mengemukakan borang kepada Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) selewat-lewatnya 7.7.2021
- Perlaksanaan korban di rumah sembelihan veterinar atau yang didaftar oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) perlu berhubungan terus dengan pihak berkenaan.

### TEMPAT PELAKSANAAN

- Rumah penyembelihan JPV
- Rumah penyembelihan swasta yang di lesenkan oleh JPV
- Masjid yang dibenarkan oleh PAID

### HAIWAN KORBAN

- Mendapat Pengesahan atau permit JPV Pahang
- Pembekalan dari luar negeri Pahang tidak dibenarkan dalam tempoh PKP

Nota: Segala kekeliruan hendaklah merujuk kepada SOP pelaksanaan ibadah korban 1442H/2021M dalam tempoh PKP di Negeri Pahang.



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
COVID-19

#KITABELUMMENANG  
#KITAJAGAKITA

#BERSAMAENTIKANWABAKCOVID-19  
#LINDUNDIRILINDUNGSEMUA

### PENGURUSAN KORBAN DI MASJID

- Mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Korban
- Mempunyai Kemudahan tempat pelaksanaan korban
- Mempunyai kawalan keselamatan yang baik
- Jumlah sembelihan haiwan korban tidak melebihi 10 ekor sehari, 5 ekor sesi pagi 5 ekor sesi petang
- Jumlah petugas menguruskan haiwan korban dihadkan 10 orang dalam satu masa.
- Jawatankuasa pengurus dihadkan 5 orang bagi membantu dan menyelia proses ibadah korban dalam satu masa.
- Penyembelih dan pembantu proses sembelihan hendaklah membuat ujian RTK-Ag Covid -19 3 hari sebelum sembelihan dilaksanakan
- Peserta korban tidak dibenarkan hadir semasa proses korban dilaksanakan
- Majlis jamuan tidak dibenarkan
- Jawatankuasa pengurus bertanggung jawab menyediakan semua peralatan pencegahan Covid-19 dan memastikan sop korban dipatuhi sepanjang proses ibadah korban

### AGIHAN KORBAN

Peserta korban boleh mengambil terus bahagiannya setelah selesai pengasingan daging secara pandu lalu ( drive thru ) atau pihak jawatankuasa pengurus menghantar ke rumah peserta korban dan penerima daging korban dengan menggunakan cara penghantaran tanpa sentuhan (contactless delivery )



JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG



JAIPAHANG OFFICIAL



JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG TV